

UJARAN BENCI, UJARAN TIDAK SOPAN DAN AKAL BUDI MELAYU

(Hate Speech, Impolite Expressions and the Malay Wisdom)

Nor Hashimah Jalaluddin  
nhj7892@gmail.com

Bangi, Selangor, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nor Hashimah Jalaluddin. (2025). Ujaran benci, ujaran tidak sopan dan akal budi Melayu. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 75–98. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no3)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh: Received:	14/3/2025	Semakan: Revised:	22/5/2025	Terima: Accepted:	27/5/2025	Terbit dalam talian: Published online:	26/6/2025
-----------------------	-----------	----------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Istilah ujaran benci sangat sinonim dengan media sosial. Mana-mana ujaran yang disebar dengan tujuan menghasut, mempromosikan atau mewajarkan perasaan benci antara kaum, xenofobia atau apa-apa sahaja ungkapan berbaur benci dikategorikan sebagai ujaran benci. Ujaran benci dapat mencetuskan kemudaratan kepada individu dan masyarakat. Kajian ujaran benci masih tidak banyak dilakukan dan masih mempunyai ruang untuk diselidiki. Kajian ini bertujuan untuk mengupas sama ada hantaran dalam media sosial di Malaysia mencapai tahap ujaran benci atau terhenti setakat ujaran tidak sopan. Seterusnya, pengkaji menghuraikan hubungan antara ujaran ini dengan akal budi Melayu. Data ujaran benci diambil daripada pengguna Instagram dalam julat penggunaan tiga bulan. Analisis berdasarkan Teori Relevans, khususnya Rangka Rujuk Silang (RRS), diikuti oleh maklumat berkonteks menyerlahkan keseriusan ujaran benci ini. Kata dan frasa, seperti “walaun”, “madanon”, dan “*type C*” kerap muncul. Meskipun tidak secara ketara menggambarkan kebencian, kata dan frasa tersebut memang membawa makna tersebut setelah dikupas, tetapi darjah keseriusannya lebih kepada ujaran tidak sopan. Ujaran ini kemudiannya dipetakan kepada metafora yang berkaitan dengan deria mulut dan telinga. Contohnya, “banyak mulut”, dan

“masuk telinga kanan keluar telinga kiri” menunjukkan kemudharatan daripada ujaran benci jika tidak dikawal. Kajian ini membuka ruang kepada kajian komunikasi antara manusia dalam media sosial dan hubungan dengan akal budi Melayu. Kajian ini juga membuktikan bahawa hubungan antara ujaran benci dengan deria telah wujud sejak dahulu lagi dan hubungannya masih relevan pada hari ini.

Kata kunci: Ujaran benci, metafora, media sosial, ujaran tidak sopan, Instagram, akal budi Melayu

Abstract

The term “hate speech” is closely associated with social media. Any utterances disseminated with the intent to incite, promote, or justify hatred between races, xenophobia, or anything containing hateful expressions is categorised as hate speech. Hate speech can cause harm to individuals and society. Research on hate speech still limited and has room for exploration. This study aims to examine whether social media posts in Malaysia reach the level of hate speech or remain merely as impolite expressions. Furthermore, the researcher explores the relationship between such expressions and the Malay concept of akal budi (wisdom and moral sense). Data were collected from Instagram users over a three-month period. Analysis was based on Relevance theory, specifically Cross-Referencing Framework (RRS), followed by contextual information highlighting the seriousness of hate speech. Words and phrases such as “walaun,” “madanon,” and “type C” are often used. While not overtly hateful, these terms do carry hateful connotations upon closer analysis, but their severity leans more toward impolite speech. These utterances were then mapped onto metaphors related to the senses of mouth and ear. For example, “talk too much” and “in one ear and out the other” illustrate the harm of hate speech if left unchecked. This study open avenues for further research on human communication on social media and its relation to the Malay mind. It also demonstrates that the link between hate speech and the senses has long existed and remain relevant today.

Keywords: Hate speech, metaphor, social media, impolite speech, Instagram, Malay moral philosophy

PENDAHULUAN

Dalam perkembangan teknologi pada hari ini, penggunaan media sosial bukan suatu perkara yang menghairankan kerana menjadi wadah penyebaran maklumat. Dari sisi positif, media sosial menjadi alat perhubungan yang pantas. Contohnya, hebahan maklumat asas polisi kerajaan dan hebahan berita, seperti banjir, kesesakan lalu lintas pada musim perayaan dan kemalangan. Maklumat, seperti dalam Whatsapp, Instagram, Tiktok dan Pelantar X (dulunya Twitter) memang banyak sumbangannya, tetapi dari sisi negatif, media sosial menjadi tempat penyebaran berita palsu dan penyebaran fitnah, serta yang terkini sebagai platform penyebaran ujaran benci (Muhamad Fadhli Ahmat, 2022).

A Matamoros-Fernández dan J Farkas (2021) menyatakan bahawa ujaran benci dapat dinyatakan secara terselindung di balik mimikan dan akaun palsu demi menularkan rasa benci terhadap individu atau organisasi tertentu. Oleh sebab ujaran benci menjadi kecenderungan dalam kalangan masyarakat dunia, pengkaji menyelidik kesan ujaran benci terhadap aspek sosial berdasarkan bahasa yang digunakan secara lebih lanjut. Walaupun kajian lepas mengenai ujaran benci dilihat dari pelbagai perspektif, masih ada satu kelompongan yang menjadi dasar permasalahan kajian. Dalam kajian terdahulu, ada data ujaran benci diambil daripada media sosial, seperti Twitter dan Facebook, malah melalui soal selidik, tetapi interpretasi yang mengaitkan ujaran ini dengan makna tidak begitu menonjol. Oleh itu, pengkaji menginterpretasikan leksikal dan frasa yang digunakan dalam hantaran ujaran ini dengan teori semantik dan pragmatik. Seterusnya, tiada huraian lanjut antara ujaran benci dengan pemikiran. Maka, terdapat ruang untuk mengaitkan ujaran benci atau ujaran tidak sopan dengan akal budi Melayu (pemikiran) berasaskan metafora Melayu. Selain itu, ujaran benci yang dapat menjadi fitnah bukanlah fenomena baharu. Dengan pelantar dan gaya komunikasi kini yang lebih pantas, penyebarannya lebih meluas dan lebih tidak bertanggungjawab. Oleh sebab amalan fitnah bukan amalan baharu, pengkaji cuba mengaitkannya dengan metafora berunsur deria bagi membuktikan kehadirannya sejak dahulu lagi.

KAJIAN LEPAS

Banyak kajian mengenai ujaran benci yang telah dilakukan. Kajian tersebut dilakukan dari perspektif media, bahasa dan teknologi maklumat. Semua kajian ini ingin membuktikan bahawa ujaran benci membahayakan masyarakat secara umumnya. Culpeper (2021) mendefinisikan ujaran benci sebagai ujaran yang menyasarkan individu atau kumpulan masyarakat berdasarkan ciri bangsa, etnik, agama, gender, kecacatan dan orientasi seks. Namun begitu, Culpeper berpandangan bahawa ujaran benci ini berbeza daripada ketidaksopanan sebagaimana yang diajukan oleh Brown dan Levinson (1987). Ujaran benci tidak memasukkan elemen air muka/maruah, manakala ketidaksopanan tidak terhad pada golongan tertentu. Ciri ketara ujaran benci menurut Culpeper (2021) ialah hasutan. Hasutan melibatkan tiga aspek, iaitu (i) penghasut, (ii) menghasut dan (iii) kesan hasutan terhadap sasaran. Culpeper seterusnya memberikan ciri pembeza antara ujaran benci dengan ketidaksopanan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Ciri ujaran benci dan ketidaksopanan berdasarkan adaptasi kerangka oleh Culpeper (2021).

Aspek	Ketidaksopanan	Ujaran Benci
Penghasut	Individu	Kumpulan, bangsa dan agama
Menghasut	Bersebab dan dapat dijangka	Menanam bibit benci yang menyebabkan pergaduhan, memandang rendah dan mempunyai impak negatif.
	Kawan rapat dan mengancam air muka	Identiti, tiada hubungan rapat
Kesan hasutan	Tingkah laku tidak keras, sedih dan marah	Tegang, menyakitkan, prejudis, antagonisme

Nota. Jadual ini diadaptasi daripada “Impoliteness and hate speech: compare and contrast” oleh J. Culpeper, 2021, *Journal of Pragmatics*, 179, hlm. 4–11.

Norena Abdul Karim Zamri et al. (2023) menjelaskan bahawa ujaran benci ini selalu digunakan oleh tentera siber (cyber trooper) yang diupah oleh pelbagai pihak, terutamanya parti politik. Tentera siber yang selalunya menggunakan akaun palsu dan nama samaran yang agar sukar dikesan ini menerima upah yang lumayan, terutamanya apabila menjelang pilihan raya. Kajian Norena Abdul Karim Zamri et al. (2023) yang berasaskan kumpulan fokus ini dilakukan untuk menilai sendiri maksud ujaran benci. Berdasarkan dapatan kajiannya, ada kumpulan yang mendapati bahawa tanggapan ujaran benci ialah amalan budaya barat yang dibawa masuk ke Malaysia dan tidak mencapai tahap benci yang sebenarnya. Dalam hal ini, tidak semua cercaan mempunyai konotasi ujaran benci sehingga menimbulkan hasutan dan membahayakan negara.

Pandangan kumpulan fokus ini dapat dikaitkan dengan dapatan kajian Krishanu Maity et al. (2023). Gabungan kajian daripada universiti di India dan Sunway Universiti Malaysia ini membuktikan bahawa ujaran benci memang wujud berasaskan *dataset HateM* yang dibina oleh pakar teknologi maklumat bagi mengesan ujaran benci dalam bahasa Melayu berdasarkan lebih 4,892 anotasi ciapan (tweets). Pengkaji tersebut mendapati bahawa ciapan yang tidak berunsur benci lebih banyak berbanding dengan ujaran benci. Hal ini bermakna bahawa tahap ujaran benci di Malaysia tidak begitu serius berbanding dengan di luar negara. Dengan berdasarkan leksikal “bodoh”, “sial”, “gila”, “babi”, “haram”, “anjing”, “mati”, “setan”, “celaka”, “bangsat”, “jahat”, “hitam”, “pendek” dan “lembab”, pengkaji tersebut merumuskan bahawa tahap ujaran benci jauh lebih rendah berbanding dengan ujaran tidak benci.

Kajian ujaran benci di luar negara jauh lebih serius berbanding dengan kajian yang dilakukan di Malaysia. Contohnya, Amos Guiora dan Elizabeth A. Park (2017), mendapati bahawa terdapat 20,000 orang Israel mengemukakan fail saman terhadap Facebook di Mahkamah Agung New York pada bulan Oktober 2015 kerana membenarkan golongan pelampau Palestin merekrut dan melatih teroris secara terang-terangan demi merancang serangan bunuh terhadap orang Yahudi Israel. Bagi orang Israel, pejuang Palestin menggunakan Facebook sebagai wadah untuk melatih warganegara tersebut menyerang orang Israel. Undangan untuk merekrut masyarakat Palestin ini mempunyai unsur hasutan dan orang Israel melabelkannya sebagai ujaran benci yang mencapai tahap membahayakan bangsa Israel. Satu contoh ujaran benci yang ketara adalah daripada kajian Lessy Ginsena dan Erna Triswantini (2021).

Menurut pengkaji tersebut, ujaran benci masyarakat Jerman sangat ketara kerana kebenciannya terhadap imigran. Antara hantaran yang jelas termasuklah hantaran (i) dan hantaran (ii):

- i. Baginya jika para pengungsi muda berhasil masuk ke Jerman dan kemudian berhasil membawa keluarga mereka maka hal tersebut akan menjadi momen berkumpulnya kembali kelompok beraliran Islamofasisme di Jerman.
- ii. “Banyak imigran perempuan yang melahirkan banyak anak di Jerman dan pemerintah masih ingin menambah imigran perempuan lagi di Jerman?” Jadi saya membayar pajak hanya untuk membiayai mereka?

Bagi hantaran (i), penutur beranggapan bahawa hal itu dapat menjadi ancaman bagi negara Jerman kerana bagi penutur, orang beragama Islam itu sinonim dengan kekerasan, pemberontakan dan terorisme. Bagi hantaran (ii) pula, komentar tersebut ialah ujaran kebencian dengan maksud merendahkan kaum imigran perempuan.

Selain itu, ujaran benci ini dapat dianalisis dari perspektif bahasa. Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) menggunakan teori lakuan bahasa oleh Searle (1975) bagi mencungkil unsur sindiran daripada hantaran pengendali halaman Facebook Amrans Fans. Banyak hantaran Amran yang mempunyai unsur sindiran dicerakinkan dari sudut ilokusionari yang memaparkan ayat jenis asertif, komisif dan direktif.

Culpeper (2021) masih berpendapat bahawa ada garis pemisah antara ujaran benci dengan ketidak sopanan. Kedua-dua contoh ujaran benci dalam kalangan masyarakat Yahudi dan Jerman jelas menunjukkan leksikal yang berbau hasutan yang akhirnya mencetuskan kebencian. Culpeper (2021) seterusnya menambah bahawa ujaran benci dicirikan dengan tingkah laku yang ekstrem dan perasaan yang terluka, serta dikaitkan dengan prejudis. Hal ini berlainan daripada dapatan kajian di Malaysia yang rata-ratanya menunjukkan bahawa ujaran tersebut lebih kepada ketidak sopanan berbanding dengan ujaran benci. Oleh itu, dalam makalah ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa tahap ujaran di Malaysia masih bersifat kurang sopan, bukannya ujaran benci. Hal ini dibuktikan dengan interpretasi makna berasaskan acuan Teori Relavans, khususnya menerusi pendekatan Rangka Rujuk Silang. Seterusnya, pengkaji mengaitkan ujaran ini dengan metafora deria bagi memperlihatkan bahawa ujaran benci atau ketidak sopanan telah lama wujud dan kekal sehingga hari ini. Hubungan antara ujaran ini masih terkawal atas didikan awal yang dianjurkan dalam metafora Melayu.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan hantaran yang menarik daripada Instagram dan Facebook dengan memfokuskan beberapa leksikal terpilih. Hantaran dipilih daripada pengguna Facebook dan Instagram yang dimuat naik dalam tempoh tiga bulan, iaitu antara bulan Jun hingga bulan Ogos 2024. Pada tempoh ini, antara isu yang dikenal pasti termasuklah kenaikan harga diesel, Ayam Goreng Darsa dan isu semasa yang berkaitan dengan PMX.

Kajian tertumpu pada leksikal dan frasa terpilih yang kemudiannya dianalisis mengikut konteks. Teori yang diaplikasikan ialah Teori Relevans anjuran Sperber dan Wilson (1995). Teori ini melibatkan hubungan antara komunikasi dengan kognisi. Dalam teori ini, ditegaskan bahawa kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevans yang optimum. Prinsip tahap relevan ini disokong oleh konsep konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Sebagai pengukuhan terhadap teori ini, konsep tambahan, iaitu Rangka Rujuk Silang atau *Bridging Cross Reference* (RRS) diperkenalkan oleh Kempson (1986) sebaik-baik sahaja teori ini dikemukakan. Rangka Rujuk Silang mengaitkan maklumat konteks dengan ujaran yang tidak mempunyai anteseden atau maklumat yang ketara. Pada masa yang sama, konsep penting Teori Relevans tetap digunakan. Aplikasi ini ditunjukkan dalam Contoh 1.

1. Burung itu tidak boleh terbang. Sayapnya patah.
 - i. Andaian Implikatur: Ada sesuatu yang berlaku pada burung.
 - ii. Kesimpulan implikatur: Sayapnya patah hingga burung tidak mampu terbang.

Dalam ayat pertama, tidak dinyatakan tentang sayap. Dalam hal ini, bagaimanakah sayap dapat dikaitkan dengan tidak dapat terbang? Daripada konteks ujaran dan maklumat sekitaran, semua orang mengetahui bahawa burung mempunyai sayap, walaupun kata sayap tidak muncul dalam ayat pertama. Oleh itu, konteks yang dapat mengesan anteseden tidak ketara ini membolehkan seseorang itu menginterpretasikan ayat ini dengan baiknya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2024).

Hal ini dikukuhkan dengan pandangan Wilson dan Sperber (1986). Kecenderungan manusia untuk menggunakan ujaran tersirat memerlukan pentafsiran lanjut bagi memastikan interpretasi ujaran itu tepat. Kajian ini menggunakan RRS, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur bagi

mengaitkan maklumat dengan anteseden yang tidak ketara, terutamanya apabila ingin mengesan, sama ada ujaran itu bersifat benci atau tidak sopan.

Data diambil daripada Instagram dan Facebook yang pro-PMX dan anti-PMX yang pastinya mempunyai banyak pengikut. Meskipun datanya dalam julat tiga bulan sahaja, isu tentang tiga peristiwa tersebut sangat menyerlah dan mengundang ribuan komen daripada pengguna media sosial ketika data dikumpulkan. Sebanyak 19 data yang dikutip cukup jelas memperlihatkan ciri kurang sopan. Sebenarnya, banyak data yang dikumpulkan berulang. Oleh itu, daripada sekian banyak data yang dikutip, hanya 19 data yang paling relevan dipilih untuk dikaji. Jumlah data ini mencukupi untuk paparan dalam makalah ini.

Langkah seterusnya adalah untuk mengaitkan cara pemikiran masyarakat Melayu dengan ujaran benci/kurang sopan yang antaranya termasuklah fitnah, sindiran dan cercaan (maki hamun). Leksikal dan frasa ini dikaitkan dengan simpulan bahasa dan peribahasa yang berkaitan dengan deria mulut dan telinga. Walaupun penulisan dilakukan dengan tangan, mulut dan telinga dipilih kerana penulisan tetap bermula daripada mulut yang kemudiannya ditransformasikan dalam bentuk tulisan. Begitu juga, meskipun mata yang membaca tulisan kesan bacaan mempengaruhi pendengaran. Natiujahnya, mulut dan telinga dapat menyebabkan interpretasi benci atau kurang sopan. Bagi mengukuhkan hujah, data korpus daripada korpusdbp.gov.my dimanfaatkan. Data korpus ini penting untuk mengesahkan bahawa ujaran yang digunakan bukan sahaja mempunyai konotasi kurang sopan, malah berkaitan dengan makna peribahasa yang dipilih.

ANALISIS

Data dipilih daripada Instagram dan Facebook. Isu yang dipilih ialah kenaikan harga diesel, Darsa Fried Chicken dan dasar pentadbiran PMX. Data tersebut dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Data kenaikan harga diesel.

Bil.	Data	Isu Diesel
1.	Cer tenguk Pk Ibrahim ni ada masalah mental kut x pernah lg aku dengar motor guna diesel	Dato' Sri Tuan Ibrahim mengatakan motor menggunakan minyak diesel. Data (1)–(3) yang merujuk Timbalan Presiden PAS
2.	Timbalan Presiden pun bodoh . Anak2 walaun dia LG bodoh	
3.	Pak lebai pak lebai... kalau nak bohong pun agak2lah... buat malu aje nampak sangat macam katak bawah tempurung	

Pada peringkat awal, leksikal atau frasa yang menggambarkan kata hasutan dan hinaan akan dipilih. Bagi data (1)–(3), leksikal **bodoh** dan **bohong**, serta frasa “**masalah mental**”, “**katak bawah tempurung**” ialah ungkapan negatif. Jika makna dikaji secara literal dan pada aras semantik, leksikal dan frasa ini hanyalah persepsi pengguna media terhadap orang yang dikomen. Leksikal dan frasa ini tidak mencetuskan apa-apa unsur hasutan atau implikasi perpecahan kaum atau rusuhan. Data ini lebih kepada persepsi biasa dan lebih bersifat tidak sopan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Culpeper (2021), iaitu pencirian tidak sopan hanya melibatkan air muka dan tidak melibatkan provokasi. Dalam konteks ini, air muka merujuk ungkapan yang dapat menimbulkan rasa malu terhadap sesiapa yang memuat naik kenyataan tersebut. Selalunya, orang yang dikritik itu orang dikenali. Dalam kes ini, Tuan Ibrahim Tuan Man ialah Timbalan Presiden PAS. Oleh itu, orang yang pro-PMX akan mengeluarkan kritikan khusus terhadap Tuan Ibrahim yang menyebabkan individu tersebut berasa malu. Dalam kes ini, air muka Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man yang tercalar kerana tersilap memberikan contoh, iaitu tuan punya motosikal tidak mendapat mengisi penuh tangki minyak motor kerana harga diesel. Umum mengetahui bahawa motor menggunakan petrol bukan diesel, maka ungkapan Tuan Ibrahim ini telah memalukan dirinya.

Dari segi Teori Relevans (1995), konteks memainkan peranan penting. Minyak untuk motor bukan diesel, tetapi petrol. Dengan adanya pertentangan maklumat, diikuti dengan pembatalan maklumat ketika inferens dibina, mesej yang hendak disampaikan menjadi tidak relevan. Oleh itu, secara tidak langsung, keadaan ini memalukan tuan punya badan itu sendiri. Dalam konteks ini, ujaran itu bukan ujaran benci, tetapi ujaran

ketidaksopanan oleh pengguna media sosial terhadap Timbalan Presiden PAS. Bagi ujaran ini, analisis RRS terhadap data (3) ditunjukkan dalam Contoh 2.

2. **Pak lebai** pak lebai... kalau nak **bohong** pun agak2lah... buat **malu** aje nampak sangat macam **katak bawah tempurung**.
 - i. Andaian Implikatur: Motor tidak menggunakan diesel, tetapi petrol.
 - ii. Kesimpulan Implikatur: Kenyataan Tuan Guru telah memalukan diri sendiri.

Dalam ujaran ini, tiada anteseden yang ketara untuk menghubungkan frasa **pak lebai**, **bohong** dan **katak bawah tempurung**. Dalam RRS, hubungan ini dapat dilakukan. Kefahaman dapat bersandarkan andaian implikatur dan kesimpulan implikatur yang dihasilkan ini. Dengan berdasarkan konteks ujaran, terutamanya yang berkaitan dengan politik negara, PAS ialah parti berteraskan Islam. Oleh itu, alasan penggunaan frasa **pak lebai** dapat difahami. Imej **pak lebai** digambarkan sebagai tidak boleh **berbohong**. Kenyataan “**tuan punya motosikal tidak mendapat mengisi penuh tangki minyak motor kerana harga diesel meningkat**” menggambarkan pemikirannya yang lemah mengenai status minyak motor dan perkara ini sangat memalukan. Namun begitu, pengkritik masih berhempah kerana menggunakan peribahasa **katak bawah tempurung** bagi mengurangkan rasa malu yang bakal dialami oleh Tuan Guru. Dalam hal ini, pengkritik masih ada rasa hormat, seterusnya menjadikan ungkapannya lebih kepada tidak sopan bukannya ujaran benci.

Berikutnya, pengkaji menganalisis data kemarahan pengguna media massa terhadap PMX dan data penyokong kerajaan. Data ini dipaparkan dalam Jadual 3.

Bagi data (4)–(13), panggilan, seperti non, walaun dan walanon dan ungkapan, seperti **saya kencing**, **bangang**, **sembang ulam**, **bangsat** dan **bodoh**, serta kata makian *HANAT haramjadah...* dapat dianggap sebagai pandangan peribadi. **Non** dan **walanon** ialah kata panggilan yang diberikan kepada penyokong tegar PMX sementara kata **walaun** ditujukan kepada penyokong tegar PAS. Kata “*walak*” yang bermaksud taksub atau pengikut setia hanyalah label bagi memudahkan usikan. Data (4)–(11) daripada pengguna media massa ini ditujukan kepada pengikut parti pemerintah (pro-PMX) oleh pengikut parti pembangkang (anti-PMX). Kata **saya kencing**, **sembang ulam**, **bangang**, **bangsat** dan **bodoh** sering ditemukan dalam hantaran media sosial, seperti Facebook dan Instagram.

Tambahan pula, penghantar ujaran menggunakan akaun palsu yang sukar dijejak.

Jadual 3 Data daripada kelompok anti-PMX dan kelompok pro-PMX.

Bil.	Data	Kritikan Pro dan Anti-PMX
4.	Ahh sembang la non... siap bawak yg hina agama pegi uzbek tu apa non	Data (4)–(11) menggambarkan kemarahan pengguna media massa terhadap PMX.
5.	Saya ulammmmmmm ... lepas ulammmmmmm saya kencing	
6.	Apa punya bangang statement ko ni walanon oiii... Nak backup pun agak2 la	
7.	Jenis xreti tadbir negara sembang ulam je lebih	
8.	Bukannya menyusahkan rakyat kebanyakan! BANGSAT punya kutu babi	
9.	Puak2 BANGSAT ni lupa ataupun mmg BODOH	
10.	Formula bodoh MadaNon untuk terus menyakau duit rakyat...	
11.	Barua punya pmx munafik liberal pasti HANAT haramjadah nie kaki spin dan kencing kaw2... hanta punya org puiii	
12.	Semua parti dlm Malaysia... termasuk kesemua exPM menyokong tindakan PMX... hanya PMX saja berani bertindak begitu. If you walaun you ada masalah you boleh pindah lain negara	Data (12)–(13) merujuk pengikut PAS.
13.	Walaun x dk benda lain nak pertikai!!! dia pertikai songkok x pakai	

Data (12) dan (13) ialah pandangan peribadi puak walanon yang menganggap pihak walaun bersifat tidak matang dan keanak-anakan dalam isu kenaikan harga diesel. Pihak walanon mencadangkan agar pihak lawan berpindah dari Malaysia jika semua polisi kerajaan tidak dipersetujui. Ayat **If you walaun ada masalah you boleh pindah lain negara** pula

disasarkan kepada individu tertentu sahaja, bukannya kelompok agama dan bangsa. Kata yang bersifat mengata daripada pengikut pihak kerajaan dan pembangkang ialah perkara biasa bagi ahli yang berlawanan parti dan tidak menyebabkan pergeseran dan pertumpahan darah.

Menerusi rangka rujuk silang, tiada maklumat serius yang menyebabkan pergeseran kaum. Data (11), iaitu **Barua punya pmx munafik liberal pasti HANAT haramjadah nie kaki spin dan kencing kaw2...hanta punya org puiii** ialah hantaran untuk melepaskan perasaan geram peribadi terhadap PMX. Penulis tidak mengapi-apikan pengikutnya untuk sama-sama menentang PMX. Ciri **kaki spin** dan **kencing kaw2** dapat dipautkan kepada PMX kerana merujuk ucapan PMX yang katanya kerap berulang dan menghuraikan hal yang sama, contohnya usaha membasmi rasuah. Ungkapan ini dapat difahami daripada konteks penggunaan semasa. Rujukan kepada PMX sebagai **kaki spin** dan **non** memang difahami oleh penghantar media. Penghantar ini turut menggunakan leksikal “ulam” (ulang) bagi mengukuhkan rasa marah terhadap PMX. Dengan berdasarkan data yang ditemukan, tidak ada ujaran hasutan yang dapat menyebabkan pergaduhan. Hal ini selari dengan kajian Norena Abdul Karim Zamri et al. (2023) dan Krishanu Maity et al. (2023) yang mendapati bahawa ujaran benci memang tidak wujud secara ketara di negara ini.

Bagi analisis RRS, pengkaji menggunakan data (4) yang ditunjukkan dalam Contoh 3.

3. Ahh sembang la **non...** siap bawaak yg **hina agama pegi uzbek** tu apa **non**
 - i. Andaian implikatur: PMX (non) tidak membela Islam apabila kes kalimah Allah tertulis pada stokin.
 - ii. Kesimpulan implikatur: PMX yang membawa tuan punya KKMart untuk mencari pelaburan di Uzbek mengukuhkan ketidakprihatinan PMX terhadap isu penghinaan agama.

Contoh (3) ialah hantaran daripada pembangkang terhadap PMX. Non ialah gelaran manja yang digunakan di utara untuk merujuk lelaki. Malah, banyak lagi gelaran digunakan untuk merujuk orang lelaki utara [<https://www.facebook.com/jjcmkedah/posts/nama2-laki-niorg-kedah>]. Penghantar mesej dalam media sosial menjadi sangat marah apabila PMX tidak membela Islam tatkala agama ini dihina dalam kes stokin. Malah, tindakan membawa tuan punya KKMart ke Uzbek untuk mencari pelaburan menimbulkan rasa marah pengkritiknya.

Maka, muncullah frasa **ahh sembang**. Frasa ini dikuatkan dengan frasa **bawak yg hina agama pegi uzbek** membuktikan bahawa PMX hanya banyak bercakap mengenai Islam, tetapi tiada tindakan membela Islam. Hal inilah yang menimbulkan kemarahan golongan anti-PMX. Namun begitu, penggunaan **non** masih menunjukkan rasa hormat terhadap sesama bangsa sebagaimana penggunaan **Tuan Guru** yang merujuk Timbalan Presiden PAS. Penggunaan kata gelaran ini tidak membawa kepada ujaran benci sehingga menjadi agresif. Secara tidak langsung, ungkapan ini dikategorikan sebagai tidak sopan untuk memalukan PMX. Seterusnya, pengkaji menggunakan data (13) untuk analisis RSS yang ditunjukkan dalam Contoh 4.

4. **Walaun x dk benda lain nak pertikai!!! dia pertikai songkok x pakai.**

- i. Andaian implikatur: Lemahnya pemikiran pembangkang untuk mencari idea bernas.
- ii. Kesimpulan implikatur: Songkok ialah perkara remeh berbanding dengan isu pelaburan.

Walaun merujuk golongan anti-PMX, iaitu pengikut PAS. Penyokong PMX selalu berpendapat bahawa walaun ini tidak mempunyai idea yang bernas untuk membantu mentadbir negara, tetapi banyak melakukan kritikan tanpa memberikan apa-apa idea membina. Hal ini dapat dilihat dalam perbahasan di parlimen, terutamanya ketika membahaskan belanjawan negara. Dalam contoh ini, PMX yang tidak memakai songkok ketika melawat Uzbekistan dijadikan isu bagi pembangkang. Songkok ialah simbol pakaian rasmi apabila PMX ke luar negara atau menghadiri majlis rasmi, seperti menghadap Yang di-Pertuan Agong. Namun begitu, ada masanya, songkok tidak dipakai, contohnya ketika majlis pertemuan makan malam. Oleh sebab PMX terlupa memakai songkok ketika lawatan ke Uzbekistan baru-baru ini, PMX dikritik dalam media sosial. Walau bagaimanapun, bagi golongan pro-PMX, songkok hanyalah perkara kecil berbanding dengan rundingan pelaburan. Leksikal **walaun** yang merujuk pengikut PAS dan frasa **pertikai songkok tak pakai** yang bermaksud meremehkan perkara kecil berbanding dengan pelaburan melambangkan kedangkalan idea pembangkang apabila membahaskan perkara yang lebih penting, seperti pelaburan.

Seterusnya, pengkaji menganalisis data pelabelan jenis masyarakat di Malaysia. Data yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 4.

Bil.	Data	Jenis Kaum
14.	<i>Type C, Type M, Type I, Type O... bila mati satu type ja...</i>	Pelabelan terhadap masyarakat Melayu, Cina dan India
15.	<i>Type C – cantik, cerdik, comel, cool</i>	
16.	<i>I use to type 3C. 1. Confident to your company. 2. Concentrate the product. 3. Change your character</i>	
17.	<i>KFC has smaller chickens and may not be freshest or bestest but it is not racist. Easy to decide and choose which one to support for type 3C right</i>	
18.	<i>Type C – fast charging</i>	
19.	<i>They started the hype type-C. now they need a type-C to advertise how tasty it is</i>	

Data (14)–(19) dalam Jadual 4 melambangkan pelabelan kumpulan etnik di Malaysia. *Type M* ialah Melayu, *type-C* mewakili Cina dan *type-I* merujuk India. Dalam data ini, banyak diperkatakan tentang *type-C* yang selalu dilabelkan sebagai rasis. Data diambil ketika kemelut mempertahankan KFC dan produk baharu Darsa Fried Chicken. Konteksnya, berlaku perselisihan pendapat mengenai produk dan pernyataan yang menyinggung kaum *type-C*. Antaranya termasuklah stereotaip bahawa *type-C* tidak akan makan di kedai Melayu kerana rasis, begitu juga tidak akan masuk untuk membeli barang di kedai Melayu. Akhirnya, tercetus konflik kecil antara *type C* dengan pengguna media sosial yang lain. Perkara yang menarik tentang hantaran ini ialah komen yang berjaya menjernihkan konflik yang ada dengan cara menghantar mesej yang positif dalam kalangan *type-C*. Walau bagaimanapun, ada unsur sindiran dalam data (17) dan (19). Bagi Jadual 4 ini, pengkaji menggunakan data (15) dan (16) untuk analisis RRS yang ditunjukkan dalam Contoh 5 dan Contoh 6.

5. *Type C – cantik, cerdik, comel, cool*
- i. Andaian Implikatur: *Type C* merujuk abjad C.
 - ii. Kesimpulan impikatur: *Type C* merujuk paras rupa dan sikap.

6. *I use to type 3C. 1. **Confident** to your company. 2. **Concentrate** the product. 3. **Change** your character*

- i. Andaian Implikatur: *Type C* merujuk abjad.
- ii. Kesimpulan Implikatur: *Type C* dapat digunakan untuk menggambarkan sikap dan fikiran positif *type C*.

Dalam analisis data (15) dan (16), pelabelan *type C*, *type M*, *type I* yang merujuk pelbagai kaum dapat mencetuskan pergeseran kaum sekiranya ditafsirkan secara negatif. Konteksnya, dalam kes Darsa Fried Chicken, wujud stereotaip bahawa orang *type C* tidak akan makan di kedai orang *type M*. Dakwaan itu ditepis dengan mengaitkan *C* dengan leksikal **cantik**, **cerdik**, **comel** dan **cool**, serta frasa **confident to your company**, **concentrate the product** dan **change your character**. Tindak balas positif dengan menghasilkan leksikal dan frasa bermula dengan huruf *C* berjaya mengelakkan konflik antara kaum, sekali gus membuktikan bahawa antededen tidak ketara yang dipautkan kepada konteks *type C* sangat positif dan mudah diproses oleh pendengar.

Jelasnya, cara pendefinisian *type C* sebagai **cantik**, **cerdik**, **comel** dan **cool**, begitu juga frasa **confident to your company**, **concentrate the product** dan **change your character** menghasilkan suasana yang lebih harmoni berbanding dengan pilihan untuk mengambil jalan perseteruan. Dengan ini, ujaran benci berjaya dikendurkan dengan kematangan pengguna media sosial. Secara tidak langsung, tiada pergeseran berlaku kerana tiada kata-kata prejudis yang digunakan. Oleh itu, berdasarkan ciri yang dikemukakan oleh Culpeper (2021), ujaran ini bukan ujaran benci. Malah, sikap *type C* sangat positif apabila mentafsirkan ciri masyarakat Cina di Malaysia.

Secara keseluruhannya, data (1)–(19) tidak menunjukkan keketaraan ujaran benci meskipun ada unsur penghinaan dalam komen tersebut. Hantaran ini lebih bersifat peribadi dan tidak menyebabkan perpecahan atau pergeseran kaum sehingga mewujudkan kesan hasutan. Kebanyakan data yang dipetik daripada media sosial Malaysia lebih berhemah dan pengguna media sosial tidak mencuba bersungguh-sungguh untuk menghasut berbanding dengan masyarakat Yahudi di Amerika Syarikat dan penduduk Jerman berdarah Nazi yang benci akan pendatang haram di negeranya.

Menerusi perbincangan data ini, dapatan kajian ini memihak kepada pendapat Culpeper (2021), iaitu hantaran dalam media sosial yang berkaitan dengan tiga isu ini lebih berbentuk serangan peribadi, bukannya

kumpulan. Malah, tiada unsur menghasut dan menimbulkan rasa kebencian melampau sehingga dapat mencetuskan ketegangan kaum. Buktinya, penggunaan kata, seperti **Tuan Guru**, kata panggilan manja **non**, pelabelan C dengan **cantik**, **confident** dan data yang lain, serta penggunaan metafora seperti, **katak bawah tempurung** ialah ujaran yang dapat melembutkan tafsirannya kepada ujaran bukan benci. Penggunaan kata dan metafora seumpama itu tidak menimbulkan provokasi dan pergeseran sebagaimana yang dicirikan oleh Culpeper (2021). Kematangan penghantar mesej ini kerap distabilkan dengan hantaran yang matang (kes *type* C melawan *type* M). Hal ini menunjukkan bahawa hantaran lebih ditujukan kepada PMX dan Timbalan Presiden PAS untuk cuba menjatuhkan imejnya. Oleh sebab hantaran ini tidak ditujukan kepada etnik tertentu secara serius, di samping penghantar yang memang mengenali orang yang dicerca, dan tidak mempunyai rencana untuk melahirkan rasa prejudis dan ketegangan, dapat dirumuskan bahawa ujaran ini memenuhi ciri yang ditetapkan oleh Culpeper (2021). Maka, hantaran ini lebih berbentuk ujaran kurang sopan, bukannya ujaran benci.

PERBINCANGAN

Huraian ujaran benci atau tidak sopan ini dapat dilanjutkan dengan cara mengaitkannya dengan akal budi Melayu. Berbanding dengan negara lain, tahap ujaran benci masih terkawal di Malaysia. Kejadian buli siber juga masih belum menular. Tindakan pantas Kementerian Komunikasi yang mewujudkan Garis Panduan Tatalaku Media Sosial bermula pada 1 Januari 2025 pula suatu tindakan yang wajar. Penyedia perkhidmatan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan bagi tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali [www.komunikasi.gov.my/versi-pertama-garis-panduan-tatalaku-media-sosial]. Tatalaku media ini sebenarnya selari dengan akal budi Melayu yang terpancar melalui metaforanya, iaitu dalam simpulan bahasa dan peribahasa.

Deria, Ujaran Benci dan Akal Budi Melayu

Daripada perbincangan ini, jelaslah bahawa hantaran dalam media sosial oleh masyarakat Malaysia masih berada dalam kategori berhemah. Malah, daripada analisis ini, bahasa kesat dan cercaan lebih mirip kepada ketidaksopanan, bukannya ujaran benci.

Senario ini dapat dikaitkan dengan Undang-undang Melaka. Dalam Undang-undang Melaka yang dihasilkan pada abad ke-17, iaitu pada zaman kegemilangan pemerintahan Melayu yang menguasai pelabuhan di Selat Melaka, undang-undang memfitnah merupakan hukuman paling berat yang dikenakan berbanding dengan hukuman bunuh. Hal ini selaras dengan hukum Islam yang tertegak pada zaman itu di bumi Melayu, iaitu perbuatan memfitnah itu lebih berbahaya daripada membunuh. Hukuman berat ini dapat ditaksirkan pada hari ini apabila hukuman saman fitnah dapat mencecah jutaan ringgit (Norazian Abd Ghani & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016). Oleh itu, bahasa kiasan dan metafora tradisional, seperti simpulan bahasa dan peribahasa, ialah suatu bentuk didikan untuk mengawal, seterusnya menggunakan mulut dan telinga secara berhemah. Menurut Abdullah (2007):

Peribahasa mula-mula digunakan apabila manusia mulai mengenal peradaban, ketika organisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadi pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia. (hlm. vii)

Oleh itu, satu pemetaan dilakukan demi mencungkil akal budi Melayu melalui metafora (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014, 2020). Hubungan antara objek yang abstrak dengan makna yang konkrit diperkukuh dengan konteks penggunaan budaya masyarakatnya. Menerusi kata-kata Abdullah Husin (2007) dan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut (2003), penghasilan metafora tradisional Melayu yang menjadi panduan masyarakat Melayu dalam pengucapan kata-kata dapat diteliti.

Dalam bahagian ini, metafora (simpulan bahasa dan peribahasa) yang menyebabkan mulut dan telinga tulisan Abdullah Husin (2007) dirujuk. Sebenarnya, ada sebab mulut dan telinga dipilih. Secara umumnya, semua orang mengetahui bahawa diri masing-masing mempunyai lima deria rasa, iaitu deria lihat, deria dengar, deria rasa, deria sentuh dan deria hidu. Daripada lima deria ini, deria rasa mulut dan dengar telinga sangat berkait rapat. Abdullah Husin (2007) mengemuka 15 contoh peribahasa Melayu yang berkaitan dengan mulut. Dalam hal ini, mulut dikaitkan dengan manis, pedas, pahit, tawar dan masin. Oleh itu, jenis ujaran dapat dikaitkan dengan deria rasa ini, iaitu ada ujaran manis, ujaran masin dan ujaran pahit. Maka, muncullah ungkapan manis yang enak didengar atau ungkapan pahit untuk ditelan dan masin untuk dipatuhi. Pastinya, ungkapan ini berkaitan dengan telinga yang menerimanya dan terus menghubungkannya ke otak untuk diproses (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017, 2024). Perkara ini turut

ditegaskan oleh Hassan Ahmad (2016), iaitu metafora ialah analogi yang bersifat abstrak sebagai domain sasaran berasaskan kata nama yang konkrit, seperti alam tabii (domain sumber), untuk membentuk makna baharu. Proses ini melibatkan peranan kognitif penutur. Oleh itu, deria mulut dan telinga dipilih bagi mentafsir metafora yang kebanyakan maknanya berkaitan dengan ujaran yang dihasilkan dalam media sosial pada hari ini.

Mulut

Dalam hal ini, metafora yang mengandungi leksikal “mulut” dipilih untuk membincangkan kaitannya dengan ujaran benci atau tidak sopan. Metafora ini dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Metafora yang mengandungi leksikal “mulut” dan maksudnya berdasarkan Abdullah Husin (2007).

Bil.	Data	Maksud
1.	Banyak mulut	Banyak cakap, cerewet
2.	Mulut bedil lubang laras bedil	Suka membuka rahsia
3.	Mulut berus	Suka mengeluarkan kata-kata yang kesat
4.	Mulut bisa	Suka mengeluarkan kata-kata yang pedas
5.	Mulut tempayan boleh ditutup, mulut manusia bagaimana menutupnya	Tidak dapat melarang orang daripada berkata-kata
6.	Mulut satu lidah bertopang	Lain di mulut lain di hati
7.	Mulut ke mulut	Menyampaikan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang
8.	Mulut murai	Orang yang sangat suka bercakap-cakap
9.	Mulut hang lebih daripada gedembai (gergasi)	Berkata-kata dengan tidak ada batasnya, kerap kali mencelakakan diri sendiri
10.	Tanam tebu di tepi mulut	Mengeluarkan kata-kata yang manis untuk memujuk
11.	Lancang mulut	Kata-kata tajam yang melukakan hati orang yang mendengarnya

Nota. Jadual ini diadaptasi daripada *Peribahasa Melayu*, oleh Abdilllah Husin (2007), Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menerusi metafora (simpulan bahasa dan peribahasa) yang menggunakan leksikal mulut ini, elemen negatifnya melebihi elemen positif. Hanya peribahasa nombor (9) yang memperlihatkan impak yang besar jika seseorang itu terlalu banyak berkata-kata. Yang lainnya hanya berbentuk amaran kecil kesan daripada penggunaan mulut. Hubungan antara makna abstrak dengan objek konkrit dapat dikesan dengan mudahnya dan tidak memerlukan tafsiran berlapis bagi memahami maksud yang disampaikan. Contohnya, maksud **banyak cakap**, **buka rahsia** dan **mengeluarkan kata-kata pedas** dapat dikaitkan dengan mudahnya dengan metafora **mulut bedil** yang terbuka luas, **mulut berus** yang kasar dan **mulut bisa** yang menyakitkan. Hubungan antara makna abstrak dengan objek konkrit ini memudahkan tafsiran akal budi Melayu yang ingin mendidik manusia untuk menjaga tutur kata.

Leksikal, seperti **bedil**, **berus** dan **bisa** dapat dipetakan secara konkritnya dengan nilai negatif, iaitu suka membuka rahsia, mengeluarkan kata-kata yang kesat dan mengeluarkan kata-kata yang pedas, seterusnya menjadi gambaran tentang gaya bahasa pengguna media sosial pada hari ini. Contohnya, meskipun PMX merujuk perdana menteri, pengguna media sosial tanpa segan silu menggunakan kata-kata kurang sopan terhadap beliau lantaran berlawanan aliran politik, begitu juga terhadap Tuan Guru yang berstatus ulama yang seharusnya disegani. Bagi mengukuhkan hujah bahawa ujaran kurang sopan ini telah wujud dari zaman dahulu, beberapa Data Korpus (1)–(3) dipetik daripada Korpusdbp.gov.my sebagai hujah sandaran.

1. Jadi di sini saya menyeru kepada **khatib** yang sentiasa **menghentam kerajaan** kerana taksuf kepada parti supaya **bertaubat** dan **memohon maaf kepada pemimpin** yang difitnah. Apalagi bila fitnah ini dibawa **dari mulut ke mulut** dan dosa dikongsi bersama oleh anda sekalian.
2. “Jangan terlalu lancang mulut Sharif menuduh **baginda**. Lagi pula itu hak baginda. Jangan sekali-kali persoalkan”, sahut Datuk Bendahara **kurang senang mendengar** kata-kata Sharif Masahor. Wajah Datuk Bendahara merah padam.
3. Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata **UMNO** dan **PAS** perlu mengadakan “**gencatan senjata**” bagi meredakan perang mulut bagi mewujudkan suasana sesuai untuk mengadakan pertemuan dan mencari **formula mengembalikan** perpaduan Melayu.

Daripada data korpus ini, jelaslah bahawa telah wujud ujaran kurang sopan yang dilontarkan oleh masyarakat sejak dahulu lagi. Perbezaannya hanyalah medium yang digunakan, iaitu sekarang orang menggunakan

media sosial. Data (1)–(3) ditujukan kepada individu (**khatib** dan **baginda**) dan kelompok persatuan (**UMNO** dan **PAS**). Nada teguran lebih kepada untuk mengekang ujaran yang kurang sopan dapat mengundang fitnah yang disebarkan melalui mulut. Daripada simpulan bahasa yang mengandung leksikal **mulut**, muncullah nasihat yang pastinya dapat melenturkan rasa marah yang dapat menyebabkan perpecahan antara manusia. Dalam Rangka Rujuk Silang (Nor Hashimah Jalaluddin, 2024), leksikal yang digunakan dalam data korpus ini, seperti **bertaubat dan memohon maaf kepada pemimpin yang difitnah** dapat dirujuk silangkan dengan perbuatan **menghentam kerajaan** yang disebarkan dari **mulut ke mulut**. Dalam hal ini, masih wujud nasihat dan ruang untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan. Begitu juga, **gencatan senjata** yang merujuk persetujuan antara UMNO dengan PAS dan kelancaran mulut Sharif sehingga Bendahara **kurang senang mendengar** kata-kata tersebut dapat dianggap sebagai ujaran kurang sopan. Hakikatnya, masih banyak unsur nasihat bagi membetulkan tohmahan yang dilemparkan, yang tidak menyebabkan prejudis dan perpecahan dalam kalangan masyarakat.

Pembuktian daripada korpus ini dapat dikaitkan dengan perkara yang berlaku pada hari ini menerusi data media sosial tersebut. Di balik kritikan pedas, masih ada ciri hormat yang digunakan, seperti ungkapan peribahasa dan kata nasihat (**bertaubat, gencata senjata, dan perpaduan Melayu**). Hal ini selaras dengan penggunaan bahasa pada hari ini dalam media social, seperti kata gelaran dan peribahasa (Tuan Guru, non, katak bawah tempurung). Oleh itu, inilah persamaan yang dapat lihat dari dahulu hingga kini.

Telinga

Bagi deria telinga, metafora yang mengandung leksikal “telinga” dipilih untuk membincangkan kaitannya dengan ujaran benci atau tidak sopan. Metafora ini ditunjukkan dalam Jadual 6.

Dalam peribahasa ini, leksikal, seperti **tempayan, rabbit, subang kaki, dipulas, masuk telinga kanan keluar telinga kiri** menggambarkan sikap manusia itu sendiri. Leksikal ini dapat dikaitkan dengan makna **kedegilan, tidak malu, kebodohan** dan **keaiban**. Hal ini bermaksud bahawa nilai negatif memang dikaitkan dengan peribahasa yang mengandung leksikal telinga sehingga seseorang itu boleh untuk tidak berasa bersalah untuk melakukannya.

Jadual 6 Metafora yang mengandungi leksikal “telinga” dan maksudnya berdasarkan Abdulkah Hasin (2009).

Bil.	Metafora	Maksud
1.	Telinga tempayan	Orang yang tidak mahu mendengar
2.	Telinga rawah	a) Tidak mengendahkan nasihat dan tunjuk ajar orang; b) Tidak berasa malu mendengar perkataan yang tajam
3.	Telinga rabbit dipasang subang kaki	Membuat sesuatu yang tidak layak akhirnya menjadi keaiban
4.	Telinga yang lembut itu kerap dipulas, yang bodoh juga yang ditipu orang	Orang yang penurut selalu diperkuda orang
5.	Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri	Tidak dapat menerima pelajaran atau nasihat yang diberikan
6.	Tutup telinga	Tidak mendengar
7.	Tak dapat tanduk telinga dipulas	Melepaskan geram kepada orang bawahan

Nota. Jadual ini diadaptasi daripada *Peribahasa Melayu*, oleh Abdullah Husin (2007), Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menerusi Jadual 6, dapat dilihat bahawa orang yang dikritik mungkin telah biasa dengan kritikan sehingga menjadikan telinganya, seperti tempayan dan rawah. Tentera siber pada hari ini yang mengutamakan wang berbanding dengan keaiban tidak berasa bersalah ketika memuat naik hantaran jelik yang berupa kata cercaan dan fitnah yang dapat menjatuhkan musuh. Tentera siber ini selalunya menggunakan nama samaran atau akaun palsu demi menyelamatkan diri daripada disaman. Maka, tidak hairanlah jika orang tersebut bersifat masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri. Gambaran ini sangat berguna untuk merujuk tentera siber yang kerap membuat hantaran jelik.

Seterusnya, pengkaji menganalisis data korpus yang turut menggambarkan situasi yang sama. Meskipun nasihat telah banyak kali diberikan oleh pihak atasan, sikap mementingkan emosi dan kepercayaan sendiri menjadikan sesuatu nasihat itu tidak berguna. Situasi ini dapat dilihat dalam data korpus (1)–(3) yang diambil daripada Korpusdbp.gov.my.

1. Mendengarnya bagai sepatih perkataan yang masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri. Kemewahan bagai satu kisah dongeng, **sukar untuk dipercayai**.
2. MASNAH Alah awak bukan tak tahu, mereka berdua tu **bukannya senang nak menerima nasihat**. Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Sia-sia saja kita menasihati mereka.
3. Cadangan perlembagaan persekutuan oleh UMNO, raja Melayu dan kerajaan British menjadi **muktamad** apabila ketiga-tiga pihak itu terus berunding dan menghalusi draf perlembagaan itu di King's House, Kuala Lumpur sejak awal tahun 1947. British menutup telinga kepada sorak-sorai PUTERA-AMCJA.

Sekali lagi, dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (Nor Hashimah Jalaluddin, 2024), frasa, seperti **sukar untuk dipercayai**, **bukannya senang nak menerima nasihat** dan **muktamad** membuktikan kewujudan sikap degil demi kepentingan peribadi. Data korpus ini dapat dikaitkan dengan sikap tentera siber pada hari ini, terutamanya ketika memuat naik hantaran jelik. Data ini membuktikan bahawa metafora ini sesuai digunakan pada hari ini, terutama bagi menjelaskan sikap degil orang yang memuat naik hantaran yang kurang sopan.

KESIMPULAN

Dunia makin berubah, begitu juga dengan tingkah laku manusia pada zaman moden ini. Tidak mustahil, hantaran jelik dapat bertukar menjadi hasutan apabila berlakunya sesuatu peristiwa, seperti perebutan kuasa dalam pilihan raya umum. Pada masa inilah, tentera siber berpeluang untuk menahan lukah dengan hasil yang lumayan tanpa memikirkan kesan jangka panjang. Kesannya, ujaran tidak sopan dapat bertukar kepada ujaran benci yang penuh dengan hasutan, prejudis dan akhirnya konflik. Natiujahnya, jumlah ujaran benci ini akan meningkat demi habuan dunia. Maka, peribahasa “masuk telinga kanan keluar telinga kiri” akan tetap menjadi relevan pada mana-mana zaman. Dari satu segi, impak didikan peribahasa dan agama di sekolah sebenarnya besar. Buktinya, tahap hantaran pada hari ini masih pada tahap ujaran kurang sopan.

Hal ini pastinya dapat dikaitkan dengan didikan jiwa Melayu bersandarkan peribahasa yang diwarisi dan agama yang dianuti. Sekiranya peribahasa dan agama ditiadakan dalam pendidikan anak, tidak memeranjatkan jika ujaran tidak sopan dapat bertukar menjadi ujaran benci pada masa akan datang, seterusnya menyebabkan konflik yang mengerikan.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap seluruh penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PENGISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdullah Husin, (2007). *Peribahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A Matamoros-Fernández, J. F. (2021). Racism, hate speech, and social media: A systematic review and critique. *Television and New Media*, 22(2), 205–224.
- Amos Guiora & Elizabeth A. Park. (2017). Hate speech on social media. *Philosophia*, Publ 45, 957–971.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*, Cambridge University Press.
- Culpeper, J. (2021). Impoliteness and hate speech: Compare and contrast. *Journal of Pragmatics*, 179, 4–11. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2021.04.019>
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- JJCM Kedah's Post. (2023). <https://www.facebook.com/jjcmkedah/posts/nama2-laki-niorg-kedah> [Dicapai pada 5 Mei 2025].
- Kempson, R. (1986). Ambiguity and the semantics-pragmatics distinction. Dalam C. Travis (Penyunting), *Meaning and interpretation*. Blackwell.
- Korpus DBP. [Korpusdbp.gov.my](http://korpusdbp.gov.my). [Data korpus dicapai pada 11 Mac 2025]
- Krishanu Maity, Shaubhik Bhattacharya, Sriparna Saha, & Manjeevan Seera. (2023). A deep learning framework for the detection of Malay hate speech. *IEEE Access*, 11, 79542–79552. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2023.3298808>

- Lessy Ginsena, & Erna Triswantini. (2021). Komentor ujaran kebencian pada berita imigran Jerman dalam Facebook. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 11(1), 1–15.
- Liaw Yock Fang. (2003). *Undang-undang Kanun Melaka dan Undang-undang Laut*. Yayasan Karyawan.
- Muhamad Fadhli Ahmat. (2022). Hentikan fitnah di media sosial. www.islam.gov.my/en/e-penerbitan/3406-hentikan-fitnah-di-media-sosial
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi*. Penerbit UKM
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Asas fonetik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2024). Metafora dan objek. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin (Penyunting), *Pragmatik: Teori dan praktis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazian Abdul Ghani, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). *Etnomatematik dalam undang-undang Kanun Melayu Melaka* [Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu]. Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Norena Abdul Karim Zamri, Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir, Mohammad Nurhafiz Hassim, & Syaza Marina Ramli. (2023). Digital hate speech and othering: The construction of hate speech from Malaysian perspectives. *Cogent Arts & Humanities*, 10: 2229089, 1–21.
- Nur Atikah Ibrahim, & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuan bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 269–288. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3602-16>
- Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. Versi Pertama Garis Panduan Tatalaku Media Sosial Berkuat Kuasa 1 Jan 2025 – Fahmi. www.komunikasi.gov.my
- Searle, J. R. (1976). A classification of illocutionary acts. *Language in society*, 5(1), 1–23.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance theory: Communication and cognition*. Basil Blackwell.
- Wilson, D., & Sperber, D. (1986). Inference and implicature. Dalam C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation*. Basil Blackwell.